



## SIARAN MEDIA

---

### CYBERSECURITY MALAYSIA DAN CGSO JALIN KERJASAMA STRATEGIK TEKNIKAL BAGI MEMPERKASA KESELAMATAN SIBER NEGARA

**CYBERJAYA (1 November 2022)** – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar teknikal keselamatan siber dan agensi di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) untuk bekerjasama memantap dan memperkasa bidang keselamatan siber termasuk pembangunan kepakaran bagi melestari pembangunan dan kesejahteraan negara.

Majlis menandatangani MoU berlangsung di CyberSAFE™ L.I.V.E Galeri, Menara Cyber Axis dan disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dato' Ts. Dr Haji Amirudin Abdul Wahab FASc serta Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Tuan Rahimi Ismail.

“Di era teknologi digital masa kini, ruang siber menjadi platform utama untuk kita melaksanakan pelbagai aktiviti harian. Kewujudan alam siber banyak memberi keselesaan dan kemudahan. Namun, suasana ini turut membuka ruang kepada ancaman keselamatan ke atas negara apabila teknologi dieksloitasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.” kata, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dato' Ts. Dr Haji Amirudin Abdul Wahab FASc.

Sehingga bulan September 2022, sebanyak 6,002 insiden keselamatan siber telah dilaporkan oleh orang ramai kepada pusat rujukan insiden siber, Cyber999 kendalian CyberSecurity Malaysia. Dari jumlah tersebut, penipuan adalah insiden tertinggi (3,922) diikuti kod berbahaya (860), pencerobohan (597) dan spam (408).

“Statistik ini dijangka akan terus meningkat sekiranya organisasi tidak memandang serius atau gagal mengambil tindakan pengukuhan dari segi keselamatan siber manakala orang ramai pula tidak mempunyai kesedaran mengenai kepentingan menggunakan teknologi secara positif, beretika dan bertanggungjawab.” ujar Dato' Dr Amirudin lagi.

Antara perkhidmatan yang akan disediakan oleh CyberSecurity Malaysia menerusi kerjasama ini adalah Tindak Balas Kecemasan Keselamatan Siber; Pengendalian Insiden, dan Forensik Digital; Pembangunan Keupayaan dan Kapasiti Keselamatan Siber; Jangkauan Luar (Outreach) dan Pembudayaan Keselamatan Siber; Penyelidikan Keselamatan Siber dan Penilaian Risiko Keselamatan Siber; serta Penilaian dan Pensijilan Keselamatan Siber.

Menurut Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Tuan Rahimi Ismail, kedua-dua entiti akan menjadi rakan kerjasama strategik teknikal (strategic technical partner) dalam perkara-perkara yang menjamin dan mengukuhkan keupayaan keselamatan siber di Malaysia.

“Dengan termetearinya MoU ini, satu Jawatankuasa Kerja Bersama dan Kumpulan Kerja Spesifik akan ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan MoU ini sebagaimana termaktub di Perkara 2 Bidang Kerjasama MoU yang merangkumi Program Kesedaran dan Latihan melibatkan pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat melalui Pengkomputeran Awan (Cloud Computing) dalam Perkhidmatan Awam; Program Pembangunan Personel CGSO berdasarkan Amalan Terbaik bertujuan mewujudkan lebih ramai tenaga pakar yang bertauliah; Pendedahan Bagi Pensijilan Keselamatan Siber di dalam bidang Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Maklumat Privasi (PIMS) dan Pengurusan Insiden Keselamatan Siber melibatkan kerjasama dalam mengukuhkan pelaporan insiden-insiden keselamatan siber.” tambah Tuan Rahimi Ismail lagi.

Pejabat CGSO di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah menjadi pusat rujukan semua isu berkenaan keselamatan perlindungan meliputi keselamatan fizikal, dokumen, ICT dan personel di samping menggubal, mengeluarkan dan menentukan dasar keselamatan perlindungan untuk dilaksanakan dengan sempurna di Malaysia.

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat  
CyberSecurity Malaysia**